

**ISLAM
&
KETAMADUNAN
MELAYU
KEMASYARAKATAN DAN ISU SEMASA**



-2014-

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Islam dan Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan dan Isu Semasa
Cetakan Pertama 2014

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-967-5534-40-9

Editor: Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad

Editor Bersama: Mohd Siful Anwar Nawawi, Mohd Zaidi Daud Muhammad Taqiuddin Mohamad, Nurhanani Romli & Asyiqin Ab Halim.

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font *Time News Roman* dan *Calisto MT*.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur.
Emel: api_ppp@um.edu.my.
Tel: +603-79676012
Faks: +603-79676030

Susun atur huruf oleh:
GreenK Services and Publications©



SENARAI KANDUNGAN



SENARAI KANDUNGAN PRAKATA

i
v

Bil.	Kandungan	Halaman
<i>Islam, Alam Melayu dan Global</i>		

1.	HUBUNGAN MALAYSIA – TIMUR TENGAH: SATU KAJIAN KE ATAS ARAB SAUDI & IRAN DENGAN MALAYSIA Mohd Roslan Bin Mohd Nor Ruzanah Binti Mohd Rozi	1-12
2.	DAKWAH JAMAAH GLOBAL UNTUK PENGUATAN HAM DAN DEMOKRASI Dadang Kahmad	13-26
3.	PENAFSIRAN HADIS HISAB DAN RUKYAH: APLIKASI PENENTUAN AWAL BULAN HIJRAH DI SINGAPURA Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi Mohammaddin Abdul Niri Khadijah Ismail Raihana Wahab Nurul Huda Ahmad Zaki	27-40
4.	PRINSIP-PRINSIP WORLDVIEW DALAM ISLAM: SEBUAH PLATFORM DALAM MEMAHAMI KONSEP PEMBANGUNAN YANG SEBENAR Malki Ahmad Nasir	41-60
5.	PENGHAYATAN BAHASA MELAYU DALAM PENYAMPAIAN KHUTBAH: SATU KAJIAN DI WILAYAH YALA, SELATAN THAILAND Moohamad Khoya Abdullah bin Yusuf Kareena	61-74
6.	ROLES OF THE MALAYS IN THE PROCESS OF ISLAMIZATION OF THE MALAY WORLD: A PRELIMINARY STUDY Mohd Noh Bin Abdul Jalil	75-85
7.	MENJAGA IDENTITI MUSLIM DARI PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYYAH DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA Mohamad Zaidi bin Abdul Rahman Osman bin Rasib Lukman bin Thaib	87-98
8.	PUSAKA DUNIA HIKMAT: ANALISIS TEKS PENGUBATAN MELAYU-ISLAM KLASIK Abdullah Yusof	99-107

HUBUNGAN MALAYSIA-TIMUR TENGAH: SATU KAJIAN KE ATAS ARAB SAUDI & IRAN DENGAN MALAYSIA



Mohd Roslan Bin Mohd Nor,¹ & Ruzanah Binti Mohd Rozi²

Abstrak: Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara. Keberadaan Malaysia yang jauh dari wilayah Timur Tengah tidak menghalang Malaysia untuk menjalinkan hubungan diplomasi dengan Negara di sekitar Timur Tengah terutama di Arab Saudi dan Iran. Pelbagai cara telah dilaksanakan bagi memastikan hubungan Malaysia dengan Arab Saudi serta hubungan Malaysia dengan Iran terjalin melalui hubungan diplomasi antara kedua – dua Negara. Makalah ini membincangkan hubungan diplomasi antara Malaysia dengan Arab Saudi dan Iran dari sudut sejarah dan perkembangannya sehingga kini. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji dan memaparkan implikasi hubungan diplomasi antara Malaysia dengan Arab Saudi dan Iran ke atas kemajuan pembangunan Negara Malaysia. Kajian yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kaedah pensejarahan dan analisis terhadap hubungan diplomasi yang telah diwujudkan oleh Malaysia dengan Arab Saudi dan Iran.

Kata Kunci: Hubungan Diplomasi, Malaysia, Arab Saudi, Iran, Timur Tengah

PENDAHULUAN

Hubungan diplomasi secara amnya merujuk kepada satu hubungan atau rundingan antara negara-negara. Menurut John R. Wood dan Jean Serres, mereka berpendapat bahawasanya diplomasi adalah seni dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dengan aman, ia juga merupakan satu teknik bagi membolehkan pembangunan dalam sesebuah wilayah dibangunkan dalam keadaan yang harmoni menerusi jalinan antarabangsa.³ Manakala Harold Nicolson iaitu seorang diplomat mendefinisikan diplomasi sebagai berikut:⁴

“The management of international relations by negotiation; the method by which these relations are adjusted by ambassadors and envoy; the business or art of the diplomatist.”

Di sini beliau mengatakan bahawa diplomasi adalah pengurusan tentang hubungan antarabangsa yang dibuat melalui rundingan yang mana ia dilakukan antara duta dengan utusan samada ia berkaitan dengan perniagaan atau seni diplomat.

¹ Mohd Roslan Bin Mohd Nor, PhD, merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: m_roslan@um.edu.my.

² Ruzanah Binti Mohd Rozi, merupakan calon ijazah tinggi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Charles W. Freeman, Jr. *Diplomat’s Dictionary* (US: DIANE Publishing, 1994), 102.

⁴ Geoffrey Allen Pigmen, *Contemporary Diplomacy* (UK: Polity Press, 2010), 4 -5.

Dalam Keadaan ini, Jose Cälvet de Mägälhäes di dalam bukunya *The Pure Concept of Diplomacy* menganalisis konsep diplomasi sebagai berikut:⁵

1. Diplomasi menjaluk kepada dasar hukum.
2. Ia adalah untuk membina hubungan damai antara sesuatu kerajaan dengan Negara yang lain.
3. Dibina melalui pihak ketiga.
4. Saling mengiktiraf antara kedua – dua pihak.

Jalinan hubungan diplomasi yang terbina mampu melahirkan satu bentuk kerjasama antara satu Negara dengan Negara yang lain. Dalam konteks ini, Malaysia tidak hanya menjalankan hubungan dengan Negara – Negara disekitar rantau Asia sahaja bahkan meliputi hubungan diplomatik dengan Negara- Negara di Timur Tengah khususnya di Arab Saudi dan Iran.

Arab Saudi merupakan sebuah negara yang menjalankan sistem monarki dan kini memiliki kapasiti penduduk seramai lebih kurang 1.3 bilion orang muslim. Ibu Negara bagi Arab Saudi adalah Mekkah yang mana ia merupakan tempat kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.⁶ Pada awalnya hubungan yang terbina antara Malaysia dan Arab Saudi bermula semenjak zaman kesultanan Melayu Melaka. Ia dapat dilihat seawal abad ke 15 yang mana ketika itu, Tanah Melayu dibanjiri pedagang dari Arab Saudi yang datang ke Kepulauan Melayu bagi menjalankan aktiviti perdagangan dan menyebarkan ajaran Islam.

Berbeza dengan Iran, sebelum tercetusnya Revolusi Iran pada Januari 1979, Iran merupakan sebuah negara Islam yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja sama dengan Malaysia. Namun, setelah Ayatollah Ruhollah Khomeini melancarkan Revolusi tersebut, Iran dilihat sebagai sebuah kuasa Islam baru yang lahir bagi menggantikan Arab Saudi dan Mesir yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak Republik Islam. Kedudukannya yang berada di tengah jalan yang menghubungkan antara Timur dan Barat telah menyebabkan Eropah sangat meminati untuk mempunyai hubungan dagangan dengan Iran. Tidak terkecuali, Malaysia turut menghubungkan jalinan diplomasi antara Malaysia dan Iran seawal abad ke 19.

LATAR BELAKANG HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI

Tanah melayu telah menyaksikan kedatangan para pedagang dari Arab Saudi yang datang ke Kepulauan Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan di rantau Asia Tenggara ini. Tidak hanya itu, ada juga pedagang yang datang ke Tanah Melayu untuk menyebarkan agama Islam lantaran melihat Tanah Melayu pada ketika itu telah menjadi pusat perdagangan utama di Kepulauan Melayu. Namun segalanya mulai goyah apabila jatuhnya kesultanan Melayu Melaka dan Tanah Melayu pula jatuh ke tangan Portugis bilamana Portugis cuba untuk memonopoli perdagangan rempah – ratus di kawasan Tanah Melayu.⁷ Rentetan dari itu, sekitar 1600-an, pedagang Arab mula kehilangan

⁵ Jose Cälvet de Mägälhäes, *The Pure Concept of Diplomacy*, terj. Bernando Futscher Pereira (United State: Greenwood, 1988), 59.

⁶ Robert Alexander Harper, Aswin Gubanthore, Charles F. Gritzer, *Saudi Arabia*, (New York: Infobase Publishing: 2007), 11-12.

⁷ Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Dan Tamadun Islam Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008), 175.

pengaruhnya dalam perdagangan di Tanah Melayu akibat dari penjajahan Belanda dan Inggeris.

Walaubagaimanapun, setelah kerajaan British mengambil alih pimpinan kerajaan di Tanah Melayu, British telah memperkenalkan sistem ‘duti kastam’ yang mana sistem ini berjaya menarik minat para pedagang untuk kembali berdagang di Tanah Melayu dan Singapura Melayu. Tidak terkecuali darinya adalah pedagang dari China dan Arab yang telah hilang pengaruhnya di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Maka, sistem perdagangan di Tanah Melayu kembali pulih seperti sedia kala.

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, jalinan diplomasi antara Malaysia dan Arab Saudi semakin utuh apabila wujudnya kerjasama antara Malaysia dan Arab Saudi. Perkara ini dapat diperhatikan melalui sokongan dan dokongan yang diberikan oleh Arab Saudi dalam membantu Malaysia bagi menjayakan rancangan pembangunan sosioekonominya.

Menurut dekan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Asmady Idris telah mengulas tentang perkembangan politik antara Malaysia dan Arab Saudi yang mana hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi semakin erat apabila Perdana menteri Malaysia Pertama Tunku Abdul Rahman membuat lawatan pertamanya ke Arab Saudi pada 18 Jun 1958 bagi menunaikan ibadah haji dan tanda syukur kepada kemerdekaan yang telah diberikan kepada Tanah Melayu. Setelah itu, Malaysia turut menubuahkan sebuah pejabat konsul di Tanah Melayu di Jeddah pada tahun yang sama. Disamping itu, Malaysia telah menempatkan kedutaan Malaysia di Riyadh, Arab Saudi pada tahun 1964.⁸

Hasil dari lawatan tersebut, hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi menemui titik keserasian dan bertukar kepada perhubungan bersifat persaudaraan bilamana Pemimpin Arab Saudi Raja Faisal melakukan lawatan ke Malaysia pada 7 Jun 1970. Rentetan dari itu, atas dasar persahabatan yang terjalin di antara kedua – dua pemimpin Negara ini, Raja Faisal telah mencadangkan agar Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Setiausaha Agung Pertama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Disamping itu, semasa Tunku Abdul Rahman memegang jawatan sebagai presiden PERKIM, Arab Saudi telah memberikan bantuan kewangan yang cukup banyak kepada Badan Organisasi tersebut dalam membantu menjalankan aktiviti keagamaannya.

Setelah itu, siri lawatan dan kunjungan dari Perdana Menteri Malaysia ke Arab Saudi diteruskan lagi oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua iaitu Tun Abdul Razak pada 24 Februari sehingga 3 Mac 1974 dan sekali lagi pada 27 Januari sehingga 1 Februari 1975. Susulan dari itu, Perdana Menteri Malaysia Ketiga Tun Hussein Onn turut melakukan lawatan ke Kerajaan Diraja Arab Saudi pada 16 Mei 1976.⁹ Hasil dari lawatan dari wakil Malaysia ini ke Arab Saudi, Malaysia telah berjaya mendapatkan bantuan kewangan dari Arab Saudi bagi membantu Malaysia untuk membangun struktur sosioekonomi Malaysia.

LATAR BELAKANG HUBUNGAN MALAYSIA DAN IRAN

Hubungan Malaysia dan Iran tidak seakrab hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi. Jalinan diplomasi yang dimeterai pernah mengalami fasa “dingin” bilamana Iran telah

⁸ Asmady Idris, “Daripada Tradisional Ke Diplomasi Moden”, dicapai 12 Mac 2014. www.utusan.com.my.

⁹ Ibid.

melancarkan Revolusi Iran yang dipimpin oleh Ayatollah Ruhollah Khomeini bagi menjatuhkan sistem pemerintahan monarki yang telah diamalkan oleh Iran sebelum itu. Revolusi yang dicetuskan menerusi pungutan suara rakyat Iran telah berjaya mengusir Raja Iran iaitu Shah Mohammad Reza Pahlavi untuk turun dari takhta dan meninggalkan Iran. Revolusi yang ternyata telah mengejutkan seluruh dunia ini telah dilancarkan menerusi dua peringkat iaitu pada peringkat pertama ia dilancarkan pada pertengahan 1977 sehingga tahun 1979 bagi memberontak menentang pentadbiran Shah Iran. Revolusi pada peringkat awal ini telah dianggotai oleh golongan haluan kiri, kumpulan agama dan pihak liberal. Manakala pada Januari 1979 pula menyaksikan naiknya Ayatollah Khomeini sebagai pemimpin revolusi tersebut yang turut dikenali sebagai Revolusi Islam lantaran Ayatollah Khomeini merupakan seorang ulama' yang cukup terkenal di Iran.

Pergerakan Revolusi Iran ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi gerakan Islam di Malaysia sekaligus turut memberi impak kepada corak politik di Malaysia. Perkara ini dapat diperhatikan seawal tahun 1970 yang mana sebelum itu Malaysia baru sahaja mengalami rusuhan kaum¹⁰. Bagi menangani konflik kaum yang tercetus sebelum ini, Tun Abdul Razak Dato' Hussein telah mengilhamkan penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi melahirkan lebih ramai golongan Kelas pertengahan di dalam masyarakat Melayu.¹¹ Kebangkitan Revolusi Iran ini telah menjadi tamsilan kepada masyarakat Melayu untuk bangkit dan melakukan perubahan dalam diri mereka. Oleh yang demikian, menerusi DEB, Malaysia telah berjaya menaikkan tahap pendidikan orang melayu sekaligus meningkatkan kuantiti golongan kelas pertengahan dalam kalangan masyarakat melayu.

€

Namun, dalam menerapkan unsur modenisasi ini, pastinya timbul persoalan dalam kalangan masyarakat Melayu yang mengamalkan Islam dalam kehidupan mereka untuk mengekalkan budaya tradisi Islam dalam kehidupan mereka sejarah dengan kehendak semasa. Maka, disini dapat kita saksikan seakan – akan wujudnya satu kebangkitan semula Islam di Malaysia yang banyak dipengaruhi oleh perkembangan Islam di Timur Tengah terutama di Iran. Perkembangan politik Islam di Iran telah memberi inspirasi kepada Malaysia untuk melakukan perubahan dalam politik dan akhirnya turut mempengaruhi bidang – bidang lain seperti bidang ekonomi dan sosial negara.

Meskipun begitu, kerajaan Malaysia dan United Malays National Organisation (UMNO) hanya mengambil reaksi yang pasif walaupun semangat revolusi ini kebanyakkannya dibawa oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menggalakkan Malaysia mempunyai identiti Islam yang global. Sungguhpun Malaysia merupakan sebuah Negara Islam yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Iran namun, kerajaan Malaysia hanya memandang revolusi ini sebagai satu corak politik yang bersifat dalam semata.¹²

¹⁰ Pada 13 Mei 1969 telah menyaksikan rusuhan kaum berlaku di Tanah Melayu bilamana ia melibatkan kaum Melayu dan Cina yang berpuncu dari ketidakseimbangan ekonomi antara Melayu dan Cina kesan dari polisi kolonialisasi British.

¹¹ Sejarah dari peristiwa tersebut, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan mengkaji faktor asasnya iaitu ketidakseimbangan ekonomi yang boleh menyebabkan tercetusnya krisis sesame kaum. Berikut dari penubuhan DEB ini, kerajaan berusaha merapatkan jurang perbezaan ekonomi dan melaksanakan pelbagai program yang dapat meningkatkan taraf kehidupan orang Melayu khususnya dalam sector ekonomi dan pendidikan.

¹² Maisarah Binti Hasbullah, "Respon Pemikit Islam Terhadap Modeniti: Wacana Sains Islam Sebagai Kajian Kes Di Malaysia" (Tesis Kedoktoran , Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 51.

Tidak mengambil sikap seperti kerajaan Malaysia dan UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengetuai delegasi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ke Iran untuk berjumpa dengan Ayatollah Khomeini. Sekembalinya Datuk Seri Anwar Ibrahim dari pertemuan tersebut, pada 16 Mac 1979 beliau telah mengistiharkan sambutan “Hari Pembebasan dan Perpaduan Iran”. Dalam masa yang sama, pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Mohamed Sabu turut menggunakan retorik Khomeini dalam ceramah dan ucapan beliau. Disamping itu juga, PAS turut mempengaruhi gerakan pelajar Islam pada ketika itu dengan sentiasa menjadikan revolusi Iran sebagai contoh. Perkara ini dapat dilihat menerusi Muktamar PAS yang telah dilaksanakan pada 1983 yang mana presidennya Yusof Rawa¹³ ada mengatakan bahawa:

“Kejayaan revolusi Islam di Iran menambah lagi keyakinan kita terhadap kejayaan Islam masa hadapan. Kita mestilah mempelajari daripada kejayaan umat Islam di Iran untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan kita untuk berjuang.”

Semenjak dari itu, PAS seringkali dilihat sebagai sebuah parti politik Malaysia yang berubah mengikut rentak kepimpinan ala syiah di Iran dengan memberikan status yang tinggi kepada ulama’.¹⁴

PERKEMBANGAN HUBUNGAN DIPLOMASI MALAYSIA – ARAB SAUDI, IRAN

Kajian ini telah memperlihatkan bahwasanya terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara Malaysia dengan Arab Saudi dan Iran sehingga ia mampu membawa kepada jalinan diplomasi antara Malaysia dan kedua – dua Negara Islam di Timur Tengah ini. Antara persamaan yang dapat diperhatikan adalah kedua – dua negara dari Timur Tengah ini pernah mengamalkan sistem beraja sama dengan Malaysia bilamana kedua – dua Negara tersebut pernah ditadbir dibawah sistem pentadbiran monarki. Namun kini, hanya Malaysia dan Arab Saudi sahaja yang masih mengamalkan sistem monarki sedangkan Iran pula telah menukar corak pentadbiran Negara kepada sistem pentadbiran republik Islam secara keseluruhannya setelah tercetusnya Revolusi Iran pada 1979. Meskipun begitu, Malaysia telah mengalami perubahan dari sudut pentadbirannya bilamana kini Malaysia mengamalkan sistem demokrasi yang dipilih dari pilihan raya meskipun masih mengekalkan sistem beraja.

Di samping itu, walaupun Malaysia, Arab Saudi dan Iran mempunyai perbezaan dalam pemahaman agama, ia dilihat tidak memberi sebarang respon yang negatif ke atas diplomasi yang terjalin antara ketiga- tiga Negara ini. Perkara ini dapat dilihat menerusi pemahaman Islam yang dipegang oleh Malaysia sama dengan Arab Saudi iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah, namun ia mempunyai perbezaan dari sudut praktikalnya bilamana Malaysia berpegang kepada mazhab Syafie manakala Arab Saudi pula berpegang kepada mazhab Hanbali. Apabila ditelesuri dengan lebih mendalam, pastinya wujud

¹³ Pernyataan yang dikeluarkan oleh Yusof Rawa adalah berdasarkan pengalaman beliau sebagai duta Malaysia ke Iran, Turki dan Afganistan. Disamping beliau, Datuk Nik Aziz Nik Mat turut dilihat sebagai individu yang banyak menggerakkan fahaman revolusi Iran ini disamping beberapa orang pemimpin ABIM- PAS seperti Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Datuk Nakhaie Ahmad, Datuk Fadzil Noor dan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman.

¹⁴ Juhaidi Yean Abdullah, “Revolusi Syiah pengaruh PAS,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 26 Mac 2014, www.bharian.com.my.

kepincangan pemahaman di antara Malaysia dan Arab Saudi dari sudut pelaksanaan mazhab dan turut wujud perbezaan dari sudut pemahaman agama di antara Malaysia dengan Iran bilamana Iran mengiktiraf Syiah sebagai pegangan pemahaman Negara manakala Malaysia pula sebaliknya.¹⁵ Namun, ia tidak menghalang Malaysia untuk menjalin hubungan diplomasi dengan kedua – dua Negara dari Timur Tengah ini lantaran kedua – dua Negara ini juga merupakan Negara yang mengamalkan Islam sama dengan Malaysia.

Terdahulu, Malaysia pernah dikejutkan dengan penyebaran fahaman tauhid Wahhabisme yang mana ia diperjuangkan oleh Muhammad Ibn Abdul Wahab dan diiktiraf oleh kerajaan Arab Saudi lalu cuba diserapkan di Malaysia.¹⁶ Atas pengaruh yang disebarluaskan oleh fahaman wahhabisme ini, ramai dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia menerima bahawa fahaman wahhabisme adalah pegangan tauhid. Oleh yang demikian, beberapa siri perbincangan di peringkat muzakkarah Jawatankuasa Fatwa Malaysia telah diadakan, lalu memutuskan bahawa fahaman wahhabisme adalah tidak sesuai diamalkan di Malaysia. Dalam hal ini, Datuk Seri Jamil Khir Baharom selaku menteri di Jabatan Menteri mengatakan bahawa keputusan yang diputuskan ini adalah hasil dari penelitian ke atas perbincangan – perbincangan yang pernah dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia yang diadakan pada tahun 1985, 1986, 1996, 1997 dan 1998. Keputusan yang diumumkan ini turut berpendapat bahawasanya fahaman wahhabisme bukanlah suatu fahaman atau ajaran yang sesat tetapi ianya tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana dikhuatiri akan membawa kepada perpecahan umat Islam di Malaysia. Dalam pada itu juga, Datuk Seri Jamil Khir Baharom turut memperjelas metodologi yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Malaysia dalam mengeluarkan fatwa tersebut yang mana kesemua keputusan yang telah dibuat untuk menyekat penularan fahaman tersebut adalah atas alasan isu – isu khilafiyyah fiqhiyyah (perbezaan pendapat) mengenai isu fiqh.¹⁷

Berbeza pula dengan fahaman syiah yang diamalkan dan diiktiraf oleh Iran, fahaman tersebut ditolak secara terang - terangan oleh kerajaan Malaysia kerana ideologi yang dibawa oleh syiah bertentangan dengan amalan ahli sunnah wal jamaah. Perkara ini dijelaskan oleh Dr Asyraf Wajdi Dusuki iaitu Yang Dipertua Agung Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).¹⁸ Menurut beliau, kerajaan Malaysia menolak sekeras – kerasnya penyebaran ideologi fahaman syiah dalam kalangan masyarakat di Negara ini lantaran dikhuatiri akan membawa kepada kemudarat yang lebih besar. Oleh yang demikian, pelbagai cara giat dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung sebarang cubaan tersebut. Namun, menurut beliau lagi, meskipun begitu, rakyat Malaysia perlu mengakui kewujudan penganut Syiah.¹⁹ Ucapan beliau ini juga menjadi pendokong kepada kata – kata Menteri Luar Malaysia; Datuk Seri Anifah Aman yang menyangkal gesaan yang dilakukan oleh Mufti Wilayah Persekutuan; Datuk Wan Zahidi

¹⁵ "Malaysia Kekal Hubungan Dengan Iran," dikemaskini 12 September 2013, dicapai 24 Mac 2014, www.utusan.com.my.

¹⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran* (Jakarta: Gema Insani Press, 1997), 245.

¹⁷ "Fahaman Wahabi Tidak Sesuai Diamalkan Di Malaysia", dikemaskini 24 November 2011, dicapai 8 April 2014, <http://www.utusan.com.my>.

¹⁸ Kenyataan yang diberikan oleh Yang Dipertua Agung Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah diucapkan kepada Sinar Harian Online pada Wacana Pemantapan Akidah: Mendepani Ancaman Kristianiasi, Liberalisme & Syiah di Kolej Universiti Islam Atarabangsa Malaysia (KUIS) pada 19 Disember 2013.

¹⁹ "Syiah: Tolak Ideologi, Perlu Akui Kewujudan Mereka", dikemaskini 19 Disember 2013, dicapai 9 April 2014, www.sinarharian.com.my.

Wan Teh. Menurut beliau, isu syiah adalah isu domestik dan ia perlu diselesaikan oleh pihak berkuasa Malaysia serta tidak wajar bagi Malaysia memutuskan hubungan dengan Iran kerana Malaysia adalah sebuah Negara yang sentiasa mengalu – alukan kedatangan warganegara asing ke Negara ini.²⁰

Selain itu, pendekatan wasatiyah atau kesederhanaan yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak dalam agenda transformasi Negara telah mendapat respon yang positif dari rakan Negara ini iaitu Arab Saudi dan Iran. Perkara ini dapat dilihat menerusi pujiyan yang diterima Malaysia dari para ulama' Arab Saudi²¹ yang kagum dengan kepimpinan kerajaan Malaysia yang berjaya memupuk hubungan baik antara ulama' dan umara' disamping menginginkan Negara Islam yang lain menjadikan Malaysia sebagai model Negara Islam yang maju.²² Tidak terkecuali, Iran turut menyifatkan konsep kesederhanaan yang diamalkan oleh Malaysia mampu menjadi satu platform yang baik untuk merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Iran. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi sikap yang ditonjolkan oleh kedua –dua pemimpin Negara ini yang mengamalkan sikap kesederhanaan dalam pentadbiran Negara. Oleh yang demikian, duta Iran ke Malaysia iaitu Mohammad Jalal Firouznia percaya bahawa persamaan dalam pentadbiran kedua – dua Negara ini mampu membuka lebih banyak peluang bagi meningkatkan kerjasama antara kedua – dua Negara dalam sektor yang belum diterokai sepenuhnya lagi seperti dalam sektor teknikal, pelancongan, kerjasama saintifik, perindustrian, minyak dan gas.²³

Selain itu, dari aspek kesediaan Arab Saudi dan Iran dalam membantu Malaysia menangani masalah yang dihadapi oleh Malaysia dapat dilihat menerusi bantuan yang dihulurkan oleh Arab Saudi dalam membantu Malaysia untuk membawa pelajar dan rakyat Malaysia pulang ke tanah air disebabkan krisis politik yang terjadi di Mesir. Hal ini dibuktikan menerusi kesediaan Arab Saudi yang telah membenarkan pesawat Charlie mendarat ke Jeddah sebelum meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur dalam Operasi Piramid yang dilaksanakan oleh Malaysia. Tidak hanya itu sahaja, penerbangan dua pesawat Boeing 747 Jumbo turut diberikan secara percuma oleh Arab Saudi dalam operasi membawa pulang pelajar Malaysia yang terlibat dengan krisis politik yang berlaku di Mesir akibat kejatuhan Presiden Mesir Husni Mubarak dari jawatannya²⁴. Sementara itu, Iran pula sedia menawarkan sebarang bantuan kepada Malaysia dalam membantu Malaysia mengesahkan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang dilaporkan hilang pada 8 Mac 2014.²⁵

Sementerlah itu, Arab Saudi dan Iran turut menerima tempias dari arus politik semasa Malaysia bilamana Arab Saudi melahirkan rasa kebimbangannya ke atas corak

²⁰ "Tidak Wajar Putus Hubungan Dengan Iran," dikemaskini 11 September 2013, dicapai 24 Mac 2014, www.sinarharian.com.my.

²¹ Tokoh ulama' terkenal dari Arab Saudi yang dimaksudkan adalah Sheikh Dr Abdullah Hamad Jalaly, Mufti Masjidil Haram Makkah; Sheikh Dr Sulaiman Al Salumi dan ketua Hakim Mahkamah Makkah Dr Saleh Darwish. Mereka telah menyatakan pandangan tersebut di dalam satu majlis dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak di Makkah pada 14 Ogos 2012.

²² "Najib: Ulama Tersohor Saudi Kagum Dengan Malaysia," dikemaskini 14 Ogos 2012, dicapai 24 Mac 2014, www.sinarharian.com.my.

²³ "Konsep Kesederhanaan Rapatkan Hubungan Malaysia – Iran," dikemaskini 22 Jun 2013, dicapai 24 Mac 2014, news.abncess.com.

²⁴ "Perkuuh Keakrabban Malaysia, Arab Saudi", dikemaskini 23 Disember 2013, dicapai 20 Mac 2014, www.bharian.com.my.

²⁵ "Iran Sedia Bantu Msia Cari MH370 Jika Diminta – Duta", dikemaskini 14 Mac 2014, dicapai 24 Mac 2014, www.utusan.com.my.

politik Malaysia kini. Hal ini dibuktikan menerusi rasa kecewa yang dizahirkan oleh Arab Saudi terhadap Malaysia menerusi demonstrasi BERSIH 3.0²⁶ yang dilancarkan oleh beberapa individu bagi menyampaikan beberapa matlamat mereka kepada pihak kerajaan. Kekesalan yang dizahirkan oleh Arab Saudi itu dinyatakan menerusi nota yang dihantar oleh kedutaannya di Malaysia pada 3 Mei 2012 atas tindakan sekumpulan rakyat Malaysia yang belajar dan bekerja di Arab Saudi yang turut mengadakan perhimpunan yang sama di Makkah dan Madinah. Peserta perhimpunan tersebut turut mengenakan pakaian berwarna kuning dan memegang kain rentang ‘duduk bantah’ sama seperti peserta BERSIH 3.0 di Malaysia.²⁷ Tidak hanya itu, Arab Saudi telah melancarkan buruan ke atas dua orang pemimpin politik pembangkang Malaysia yang disyaki telah menjadi dalang kepada perhimpunan yang diadakan di Restoran DSaji, Hotel As-Safwah berhampiran Masjidilharam.²⁸

Lanjutan dari hubungan diplomasi yang terjalin antara Malaysia, Arab Saudi dan Iran telah memperlihatkan peningkatan dalam aspek perdagangan Negara Malaysia dengan kedua – dua Negara dari Timur Tengah ini. Usaha yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia ke Empat Tun Dr Mahathir Mohamad memperlihatkan hasilnya bilamana Malaysia berupaya merapatkan jurang defisit perdagangan Malaysia dengan Arab Saudi dengan mengurangkan import minyak dari Arab Saudi menerusi idea beliau untuk mewujudkan hubungan dua hala antara kedua – dua Negara.²⁹ Manakala hubungan diplomasi yang telah terjalin antara Malaysia dan Iran pula telah membawa kepada peluang perdagangan yang lebih luas lantaran Iran merupakan rakan dagangan Malaysia ketiga terbesar di Timur Tengah. Dalam masa yang sama juga, Iran melihat Malaysia sebagai sebuah Negara yang mempunyai banyak ruang perniagaan yang menguntungkan.³⁰

Hubungan diplomasi ini turut membuka ruang perbincangan dan perkongsian ilmu antara Malaysia dengan kedua – dua Negara dari Timur Tengah ini. Terbaru, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima kunjungan dari delegasi Arab Saudi yang diketuai oleh Profesor Abdullah bin Abdul Aziz Al- Muslih. Ketua Delegasi Suruhanjaya Kajian Saintifik Dalam Al-Quran dan Sunnah, Arab Saudi tersebut berkongsi ilmu dan maklumat mengenai mukjizat Al-Quran dari perspektif Islam.³¹ Turut hadir bersama rombongan delegasi adalah seorang setiausaha suruhanjaya iaitu Dr. Abdulgawad Al-Sawi, Ketua Jabatan Penyelidikan Perubatan; Encik Mohammed Ali

²⁶ BERSIH 3.0 merupakan satu perhimpunan tunjuk perasaan yang dianjurkan pada 28 April 2012 yang menuntut pemerhati antarabangsa memantau perjalanan pilihan raya Malaysia. Perhimpunan ini adalah kesinambungan dari Perhimpunan BERSIH yang telah dilancarkan pada tahun 2007 dan 2011. Ia turut disebut sebagai perhimpunan ‘duduk bantah’.

²⁷ Zanariah Abd Mutualib dan Mohd Nasaruddin Parzi, “Arab Saudi Kecewa Demonstrasi: Wisma Putra Terima Nota Diplomatik Kecam Perhimpunan di Makkah.”, Berita Harian, 9 Mei 2012, 7.

²⁸ “Arab Saudi Buru Dalang Bersih 3.0,” dikemaskini 6 Mei 2012, dicapai 6 Mei 2014, <http://ww3.utusan.com.my>.

²⁹ Keadaan ini adalah kerana Malaysia hanya menjalankan hubungan satu hala sahaja antara Malaysia dan Arab Saudi sebelum pentadbiran Malaysia dibawah kelolaan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mana Malaysia hanya menerima segalah bentuk bantuan kewangan kepada Arab Saudi bagi menjalankan aktiviti pembangunan Negara tanpa melakukan sebarang bentuk dagangan sebagai imbalan.

³⁰ “Malaysia, Iran Tingkatkan Perdagangan,” dikemaskini 19 Februari 2000, dicapai 11 Mac 2014, www.utusan.com.my.

³¹ Delegasi Suruhanjaya Kajian Saintifik Dalam Al- Quran dan Sunnah, Arab Saudi ini telah disambut oleh Tuan Haji Abdul hamid bin Haji Abdul Samad, ketua penolong pengarah Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa JAKIM. Majlis taklimat dan perbincangan dua hala antara JAKIM dan pihak delegasi telah diadakan di Dewan Syura, Aras 9, JAKIM, Putrajaya.

Alchwis dan Puan Umama Al-Basatne dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang selaku penyelaras delegasi. Hasil dari pertemuan tersebut, Malaysia turut dipelawa untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan Al-Quran dan Sunnah dari Perspektif Sains yang akan datang.³²

Sementara itu, Malaysia, Arab Saudi dan Iran telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memastikan hubungan dua hala antara kedua-dua Negara berjalan lancar. Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani melibatkan beberapa aspek antaranya ialah:

Bil	Skop Diplomasi	Arab Saudi	Iran
1	Pendidikan	2014: UTeM – King Khalid University.	2010: Menteri Pelajaran Malaysia – Menteri Pelajaran Iran.
2	Keselamatan	2010: Perdana Menteri – Kerajaan Arab Saudi.	2013: Menteri Dalam Negeri Malaysia – Menteri Luar Iran.
3	Sains dan Teknologi	2011: Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia – Naib Presiden King Abdulaziz City For Science And Technology.	2008: Menteri Luar Malaysia – Timbalan Menteri Sains Dan Teknologi Iran.
4	Pertanian		2007: Menteri Pertanian dan Asas Tani Malaysia – Menteri Pertanian Iran.

Dalam konteks ini, hubungan diplomasi dua hala antara Malaysia, Arab Saudi dan Iran telah memberikan ruang kepada rakyat Malaysia, Arab Saudi dan Iran untuk melanjutkan pelajaran di kedua-dua Negara tersebut. Situasi ini dapat diperhatikan menerusi peluang yang diberikan kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di Arab Saudi semenjak pentadbiran Malaysia berada di bawah kelolaan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein sebagai Perdana Menteri Kedua.³³ Dalam pada itu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan King Khalid University, Arab Saudi³⁴ bagi mewujudkan program berkembar dalam bidang akademik, pertukaran pelajar dan kakitangan. Memorandum yang dimeterai antara Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Ahmad Yusoff dengan Naib Presiden King Khalid University Prof. Ahmed Tahir Mubarak³⁵ tersebut turut membolehkan kedua-dua universiti bergabung dalam program penyelidikan kejuruteraan dan sains komputer.³⁶ Mutakhir ini, Negeri Sembilan bercadang untuk menghantarkan pelajar dan tenaga pengajar Negara ini ke Arab Saudi bagi mendapatkan

³² MECM, "Naib Saudi Setia Kongsi Pengajaran Dengan Jakim", dicapai 24 Mac 2014. www.mcm.gov.my.

³³ Rosman Abu Hassan, Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970 – 1976, (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005), 106.

³⁴ King Khalid University, Arab Saudi merupakan sebuah institusi pengajian tinggi di Asia Barat yang menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang termasuklah teknologi maklumat, sains komputer, kejuruteraan, sains fizik dan perniagaan. Institusi pengajian tersebut mempunyai kapasiti pelajar seramai 30,000 orang.

³⁵ Memorandum yang dimeterai oleh Naib Canselor UTeM DAN King Khalid University tersebut telah disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor UTeM (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib dan Dr. Wahiduzzaman Wahab Faseyil.

³⁶ "UTeM Meratai NMC Dengan King Khalid University", dikemaskini 5 Februari 2014, dicapai 11 April 2014. <http://www.utem.ac.my>.

pengalaman dan pendedahan yang khusus terutama dalam bahasa Arab.³⁷ Sementara itu, institusi pengajian tinggi Malaysia juga disarankan agar terus menjalinkan hubungan yang baik dengan Arab Saudi kerana Arab Saudi berpendapat bahawasanya universiti di Malaysia mempunyai peluang yang cukup luas untuk berkongsi kepakaran yang ada di Arab Saudi.³⁸ Tidak jauh beza dengan Arab Saudi, Iran turut merebut peluang ini dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pendidikan bagi kedua – dua Negara.³⁹ Memorandum yang dipersetujui ini menyatakan akan kesediaan Malaysia dalam kerjasama dengan Iran bagi membangunkan sebelas bidang pendidikan yang utama.⁴⁰

Sementara itu, Malaysia, Arab Saudi dan Iran telah mencapai beberapa kata sepakat dalam menjalin kerjasama keselamatan Negara. Ia dapat ditelusuri menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Malaysia dan Arab Saudi bagi membolehkan aspek keselamatan kedua – dua Negara dapat dijalinkan dengan lebih sistematik dan efisien. Terdahulu, Menteri Dalam Negeri; Datuk Seri Hisamuddin Tun Hussien mengatakan bahawa MoU yang pernah dimeterai sebelum ini adalah berkaitan dengan skop kerjasama dari aspek keselamatan dalam memerangi keganasan, pemalsuan dokuman, penyeludupan dadah dan senjata api, jenayah komersial dan siber serta pengubahan wang haram. Kini, kerjasama keselamatan yang dijalin adalah merangkumi kerjasama teknikal, perkongsian kepakaran, perkongsian kajian saintifik, maklumat risikan dan percetakan yang membabitkan kedua - dua Negara.⁴¹

Dari sudut jalinan keselamatan antara Malaysia dan Iran pula, Malaysia dan Iran akan menjalin kerjasama antara kedua – dua Negara bagi menangani pelbagai isu yang berkaitan dengan keselamatan kedua – dua Negara terutama yang membabitkan pemerdagangan manusia, imigresen dan penyeludupan dadah. Kerjasama yang disifatkan sebagai satu kerjasama yang penting antara kedua – dua Negara ini adalah bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi antara Malaysia dan Iran terutama yang membabitkan rakyat Malaysia dan Iran. Disamping itu, kerjasama yang akan dimeterai ini adalah bagi mencari resolusi tentang masalah pertukaran banduan sekiranya ada dalam kalangan rakyat Iran yang ditahan di Malaysia dan turut membincangkan jagaan kepentingan rakyat Iran di Malaysia memandangkan ramai dari rakyat Iran kini menetap di Malaysia.⁴²

Dalam bidang sains dan teknologi pula, Malaysia dan Arab Saudi telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi tempoh lima tahun dengan Arab Saudi bagi mengenalpasti dan memudahkan kerjasama antara pusat penyelidikan di

³⁷ “NS Mahu Kukuh Hubungan Dengan Arab Saudi”, dikemaskini 3 Disember 2013, dicapai pada 24 Mac 2014, www.utusan.com.my.

³⁸ “IPT Malaysia, Arab Saudi disaran jalin hubungan lebih rapat”, Berita Harian, 22 Februari 2012, 26.

³⁹ “Malaysia, Iran Tandatangani MoU Kukuhkan Kerjasama Pendidikan,” dikemaskini 6 Julai 2010, dicapai 18 Mac 2014. www.utusan.com.my.

⁴⁰ Bidang yang dimaksudkan merangkumi rangkaian sekolah atau institusi pendidikan, kebudayaan dan muzik, pembangunan kurikulum dan sukan, informasi dan komunikasi teknologi, sains dan matematik, rangkaian sekolah atau institusi pendidikan dan jaminan kualiti pendidikan. Tidak hanya itu, ia turut membabitkan bidang latihan keguruan dan pembangunan professional, pendidikan teknik dan vokasional, naziran pendidikan pengurusan dan kepimpinan pendidikan, penyelidikan dan perancangan pendidikan

⁴¹ “Kerjasama Keselamatan Malaysia – Arab Saudi,” dikemaskini 15 Januari 2010, dicapai 24 Mac 2013, www.utusan.com.my.

⁴² “Malaysia, Iran Tangani Isu Keselamatan,” dikemaskini 24 Julai 2013, dicapai 24 Mac 2014, www.hmetro.com.my.

Malaysia dan Arab Saudi menerusi satu badan jawatankuasa. Dalam keadaan ini, Malaysia dan Arab Saudi bersedia untuk berkongsi penyelidikan, persidangan, pertukaran saintis dan penggunaan bersama peralatan saintifik berdasarkan memorandum tersebut. Menurut Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Fadilah Yusof mengatakan bahawa memorandum yang dilakukan ini adalah kerana wujudnya kesungguhan dalam kalangan agensi kementerian dan beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mahu bekerjasama dengan rakan mereka di Arab Saudi. Dalam pada itu, Dr Abdulaziz Mohammed Al – Swailem iaitu Naib Presiden King Abdulaziz City for Science and Technology berkata bahawa Arab Saudi bersedia berkongsi kepakaran, penyelidikan dan saintis mereka dengan Malaysia.⁴³

Bersama Iran pula, Malaysia telah meningkatkan usahasama antara Malaysia dan Iran dari sektor pertanian menerusi perjanjian persefahaman (MoU). Perjanjian induk yang ditandatangani antara Mantan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Menteri Pertanian Iran, Mohammad- Reza Eskandari tersebut adalah ekoran dari pengembangan pesat ekonomi Iran dalam memajukan sektor pertanian Negara sehingga berjaya mencapai tahap mampu diri dalam pengeluaran makanan.⁴⁴ Perjanjian Persefahaman (MoU) ini dilaksanakan lantaran melihat Malaysia dan Iran mempunyai persamaan dari sudut ekonomi berasaskan pertanian dan berharap agar perkongsian ilmu pertanian Iran dapat dimanfaatkan oleh Malaysia dalam membangunkan produktiviti pertanian Negara.⁴⁵

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, dapat kita rumuskan di sini bahawasanya hubungan diplomasi antara Malaysia, Arab Saudi dan Iran banyak mempengaruhi corak politik tanah air. Meskipun corak perkembangan hubungan antara Malaysia dengan kedua – dua Negara ini adalah berbeza namun ia telah berhasil membangunkan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam yang maju walaupun dahulunya Malaysia pernah dijajah oleh Barat. Kesediaman Malaysia dengan kedua – dua Negara tersebut dalam menerima bantuan serta berkongsi pengalaman dan kemahiran telah menjadikan hubungan diplomasi yang dimeterai bersama semakin erat dan utuh. Tidak hanya itu, sikap pimpinan Malaysia dan kedua – dua Negara dari Timur Tengah ini turut mempengaruhi perubahan hubungan diplomasi ini. Perkara ini dapat dilihat menerusi tinjauan dari corak hubungan diplomasi antara Malaysia dengan Arab Saudi dan Iran yang bermula dari hubungan diplomatik sehalia berubah menjadi hubungan diplomasi dua hala yang dilihat telah memberi peluang kepada Malaysia dan kedua – dua Negara tersebut untuk membangunkan sektor sosioekonomi Negara masing – masing.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani Press, 1997.
- Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Dan Tamadun Islam Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008.

⁴³ "Malaysia, Saudi Arabia to Cooperate in Science and Technology", dikemaskini 13 Disember 2013, dicapai 10 April 2014, www.nst.com.my.

⁴⁴ "Malaysia, Iran Meterai MoU Tingkat Kerjasama Sektor Pertanian, dikemaskini 20 Jun 2007, dicapai 14 April 2014, <http://ww2.utusan.com.my>.

⁴⁵ Bernama, "Malaysia Dan Iran Meterai Hubungan Erat Sektor Pertanian," laman sesawang *FAMAlink*, dicapai 17 21 Mac 2014, web6.bernama.com.

- Asmady Idris, "Daripada Tradisional Ke Diplomasi Moden", dicapai 12 Mac 2014. www.utusan.com.my.
- Bernama, "Malaysia Dan Iran Meterai Hubungan Erat Sektor Pertanian," laman sesawang *FAMALink*, dicapai 17 21 Mac 2014, web6.bernama.com.
- Charles W. Freeman, Jr. *Diplomat's Dictionary*, US: DIANE Publishing, 1994.
- "Fahaman Wahabi Tidak Sesuai Diamalkan Di Malaysia", dikemaskini 24 November 2011, dicapai 8 April 2014, <http://www.utusan.com.my>.
- Geoffrey Allen Pigmen, *Contemporary Diplomacy*, UK: Polity Press, 2010.
- "IPT Malaysia, Arab Saudi disaran jalin hubungan lebih rapat", Berita Harian, 22 Februari 2012.
- "Iran Sedia Bantu Msia Cari MH370 Jika Diminta – Duta", dikeaskini 14 Mac 2014, dicapai 24 Mac 2014, www.utusan.com.my.
- JAKIM, "Arab Saudi Sedia Kongsi Pengalaman Dengan Jakim", dicapai 24 Mac 2014. www.islam.gov.my.
- Jose Calvet de Magalhaes, *The Pure Concept of Diplomacy*, terj. Bernando Futscher Pereira. United State: Greenwood, 1988.
- Juhaidi Yean Abdullah, "Revolusi Syiah pengaruhi PAS," laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 26 Mac 2014, www.bharian.com.my.
- "Kerjasama Keselamatan Malaysia – Arab Saudi," dikemaskini 15 Januari 2010, dicapai 24 Mac 2013, www.utusan.com.my.
- "Konsep Kesederhanaan Rapatkan Hubungan Malaysia – Iran," dikeaskini 22 Jun 2013, dicapai 24 Mac 2014, news.abnxcess.com.
- Maisarah Binti Hasbullah, "Respon Pemikir Islam Terhadap Moderniti: Wacana Sains Islam Sebagai Kajian Kes di Malaysia", Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- "Malaysia, Iran Tandatangani MoU Kukuhkan Kerjasama Pendidikan," dikemaskini 6 Julai 2010, dicapai 18 Mac 2014. www.utusan.com.my.
- "Malaysia, Iran Tangani Isu Keselamatan," dikemaskini 24 Julai 2013, dicapai 24 Mac 2014, www.hmetro.com.my
- "Malaysia, Iran Tingkatkan Perdagangan," dikemaskini 19 Februari 2000, dicapai 11 Mac 2014, www.utusan.com.my.
- "Malaysia, Iran Meterai MoU Tingkat Kerjasama Sektor Pertanian, dikemaskini 20 Jun 2007, dicapai 14 April 2014, <http://www2.utusan.com.my>.
- "Malaysia, Saudi Arabia to Cooperate in Science and Technology", dikemaskini 13 Disember 2013, dicapai 10 April 2014, www.nst.com.my.
- "Najib: Ulama Tersohor Saudi Kagum Dengan Malaysia," dikemaskini 14 Ogos 2012, dicapai 24 Mac 2014, www.sinarharian.com.my.
- "NS Mahu Kukuh Hubungan Dengan Arab Saudi", dikemaskini 3 Disember 2013, dicapai pada 24 Mac 2014, www.utusan.com.my.
- "Perkukuh Keakraban Malaysia, Arab Saudi", dikemaskini 23 Disember 2013, dicapai 20 Mac 2014, www.bharian.com.my.
- Robert Alexander Harper, Aswin Gubanthore, Charles F. Gritzer, *Saudi Arabia*, (New York: Infobase Publishing: 2007), 11-12.
- Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Rahman Bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970 – 1976*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003.
- "Syiah: Tolak Ideologi, Perlu Akui Kewujudan Mereka", dikemaskini 19 Disember 2013, dicapai 9 April 2014, www.sinarharian.com.my.
- "Tidak Wajar Putus Hubungan Dengan Iran," dikemaskini 11 September 2013, dicapai 24 Mac 2014, www.sinarharian.com.my.
- "UTeM Meterai MoU Dengan King Khalid University", dikemaskini 5 Februari 2014, dicapai 11 April 2014, <http://www.utusan.com.my>.
- Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi, "Arab Saudi Kecewa Demonstrasi: Wisma Putra Terima Nota Diplomatik Kecam Perhimpunan di Makkah.", Berita Harian, 9 Mei 2012.

